

Guna platform media sosial secara bijak

Kuala Lumpur: Mahasiswa pada hari ini perlu lebih bijak menyuarakan pendapat menggunakan saluran yang betul tanpa memalukan mana-mana pihak atau menjatuhkan imej universiti di media sosial milik peribadi masing-masing.

Tidak dinafikan, ramai pelajar pada hari ini lebih selesa menyuarakan pendapat, cadangan, aduan dan kritikan melalui media sosial masing-masing kerana menganggap ia adalah ruang peribadi yang tidak sepatutnya diganggu gugat oleh orang lain termasuklah pihak pengurusan universiti.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Komunikasi Media), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nordeliyana Darwes, berkata universiti menyediakan banyak saluran yang sesuai untuk pelajar menyuarakan pandangan, pendapat dan aduan masing-masing.

Katanya, di UKM sendiri terdapat pelbagai platform disediakan termasuklah e-penilaian pensyarah dan e-aduan tetapi sifat pelajar itu sendiri yang tidak mahu ambil tahu apa saluran yang boleh digunakan menyebabkan mereka

lebih suka memilih media sosial untuk menyuarakan pandangan.

"Mungkin juga aduan sudah dibuat menggunakan saluran yang betul tetapi tiada tindakan di ambil selepas aduan dilakukan menyebabkan pelajar memilih untuk meluahkan di media sosial.

"Saya sebenarnya bersetuju dengan mahasiswa yang punya keberanian untuk menyuarakan pandangan dan kritikan di media sosial tetapi pada saya itu bukan satu medium yang profesional untuk menyuarakan pendapat dan kritikan sebab kita ada banyak lagi medium lain yang boleh digunakan," katanya.

Beliau berkata, barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) juga adalah cara paling dekat untuk pelajar menyuarakan pendapat dan masalah kerana mereka sememangnya dipilih sebagai suara pelajar untuk memperjuangkan kebajikan mahasiswa di universiti.

"Mahasiswa pada hari ini memang sudah diberikan kebebasan bersuara sehingga ada yang lantang meluahkan pendapat di media sosial tetapi tindakan itu perlu datang



dengan kawalan sendiri dan ada had supaya tidak memberi kesan buruk di kemudian hari," katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Muhammad Ainol Fariz Shamsul Bahrin, berkata mahasiswa yang lantang bersuara di media sosial dan mencipta provokasi itu

adalah golongan yang tidak berani menyuarakan pendapat atau menyelesaikan masalah secara berdepan.

Katanya, pemimpin yang baik tidak akan melayan atau terkesan dengan provokasi yang dibuat di media sosial sebaliknya kekal teguh dengan aspirasi dan misi yang ingin dijayakan di universiti.

"Landskap pendidikan tinggi



Nordeliyana Darwes



Muhammad Ainol Fariz Shamsul Bahrin

pada hari ini sudah menunjukkan perubahan di mana pelajar diberikan kebebasan dalam menguruskan pilihan raya kampus dan menyuarakan pendapat, jadi mahasiswa juga perlu berubah menjadi lebih matang supaya ia sejajar dengan transformasi yang dibawa Kementerian Pendidikan pada hari ini.

"Universiti menyediakan pelbagai platform untuk pelajar menyuarakan pendapat, jadi gunakan ia dengan bijak dan matang serta tunjukkanlah sikap yang positif supaya dapat menjadi ikon yang baik untuk kemajuan negara pada masa depan," katanya.